



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23 August 2015



NAJIB TUN RAZAK tertarik dengan potret beliau dan bapanya yang dihadiahkan oleh Ahmad Razif Abdul Rahman (kiri) selepas merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kuala Nerus di Gong Badak, Kuala Terengganu, semalam. - BERNAMA

Najib ingatkan ahli agar tidak tebuk 'bahtera besar' parti

# Rahsia perkukuh UMNO

UM - 23/8/2015

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB,  
RADHUAN HUSAAIN  
dan ROSALINDA MOHD SAID  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA NERUS 22 OGOS

DATUK Seri Najib Tun Razak hari ini mengingatkan ahli-ahli parti agar tidak menebuk 'bahtera besar' UMNO kerana perbuatan itu akhirnya akan menenggelamkan perjuangan parti untuk terus mengangkat martabat dan maruah bangsa.

Perdana Menteri menegaskan, dalam sejarah parti tidak sunyi daripada pelbagai krisis yang memberikan cabaran cukup hebat, namun dalam apa jua keadaan, dengan kesetiaan, semangat dan iltizam selama ini UMNO terus bertahan.

"Allah tidak janjikan langit sentiasa biru, bunga sentiasa mekar atau matahari sentiasa bersinar. Ada ketikanya kita dipukul ombak dan badai. Dalam sejarah UMNO juga kita terpaksa tempuh onak dan duri," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menggariskan formula 5K (khianat, kapal, kerja kuat, kerjasama erat dan kemampuan) dalam memastikan

parti dapat mengharungi pelbagai cabaran ketika ini.

"K pertama ialah khianat. Kalau nak menang selesa, jangan khianat parti, jangan cah keling, kutuk atau 'condemn' parti.

"Dalam bahagian UMNO pun ada cah keling. Jangan begitu. Kalau ada team A, B atau C, saya harap tinggalkanlah dan jadikannya iktibar.

"Mengenai kapal pula, jangan tebuk atau korek kapal. Kalau kapal korek boleh juga hasilnya, tapi kalau korek kapal kita semua akan mati lemas dan bila tiba masa pilihan raya nanti kita akan tewas," kata Najib sambil menambah komitmen baharu itu perlu untuk mengukuhkan lagi parti.

Beliau berucap merasmikan Jajuman Rakyat dan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kuala Nerus di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Besar yang juga Ketua UMNO Bahagian Kuala Nerus, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Jailani Johari yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO negeri.

Menurut Najib, beliau menggu-

nakan huruf K kerana tertarik dengan moto "Terengganu Kita" yang beliau percaya dapat membantu menyuntik semangat kekitaan dan kerjasama lebih akrab dalam kalangan ahli UMNO.

Selain itu, Perdana Menteri menarik perhatian K juga membawa maksud kerja kuat dan kemampuan yang dimiliki UMNO untuk dinilai seluruh ahli parti dan atas semangat itu, beliau yakin UMNO berjaya mencapai matlamat perjuangannya pada masa-masa akan datang.

Perdana Menteri sekali lagi turut mengingatkan pemimpin serta ahli UMNO agar sentiasa menjaga adab Melayu dan menjauhi perbuatan mengaibkan orang lain walaupun berlaku pergeseran pendapat.

"Ibarat suami isteri berbalah. Kalau berbalah jangan sampai semua jiran tahu yang akhirnya mereka akan tertawakan kita. Kalau kita berbeza pendapat, 'jagalah adab dan jangan aibkan orang. Islam suruh kita jaga aib orang, jangan jatuhkan aib orang dan itulah nilainya," jelas beliau.

Justeru kata Najib, prinsip menjaga adab seperti itu adalah antara faktor yang akan turut menentukan kelangsungan kejayaan UMNO.